

Tan Sri Sufri Pengerusi LPU UTHM baharu

18 Mei 2020 | Sinar Harian.

Batu Pahat – Pengarah Urusan Kumpulan TRC Synergy Berhad, Tan Sri Sufri Mohd Zin dilantik secara rasmi sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Pelantikan beliau selama tiga tahun sehingga April 2021 itu menggantikan Tan Sri (Dr.). Ir. Jamilus Md. Hussin yang tamat perkhidmatan pada 15 April lalu.

Wakil Unit Penjenamaan dan Penerbitan, Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Suriayati Baharom berkata, Pengerusi LPU UTHM baharu merupakan graduan Sarjana Undang-Undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Katanya, sebelum ini beliau memegang jawatan sebagai Ahli LPU UTHM (Wakil Swasta) selama tiga penggal bermula 20 Mac 2011 sehingga 20 April 2018 dan mempunyai pengalaman luas di UTHM.

“Sepanjang menjadi ahli LPU, anak kelahiran Jeram, Selangor ini aktif jawatankuasa pembangunan dan perancangan fizikal serta endowmen UTHM.

“Untuk rekod, pelantikan ahli LPU universiti perlu dibuat dua tahun sekali selaras dengan peruntukan Seksyen 17(1) yang melibatkan ahli wakil swasta, wakil masyarakat, wakil senat dan wakil alumni”.